

Penyertaan ICC buka peluang Palestin tuntut keadilan

Tahniah diucapkan kepada pemimpin Palestin kerana berjaya menyertai Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC). Penerimaan kemasukan Palestin sudah disahkan oleh Setiausaha Agung Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Ban Ki-moon yang menyatakan bahawa Palestin akan mula menyertai ICC pada 1 April depan.

Langkah pihak Palestin ini adalah langkah yang penting kerana ia akan membolehkan mereka mengemukakan pertuduhan jenayah perang ke atas Israel. ICC ditubuhkan pada tahun 2002 sebagai tribunal tetap untuk membicarakan kes pembasmian kaum, jenayah hak asasi manusia, jenayah perang, jenayah kekerasan dan sebagainya.

Mahkamah ini bermula pada 1 Julai 2002 apabila perjanjian Statut Rome Mahkamah Jenayah Antarabangsa mula berkuat kuasa. ICC secara automatik berhak menguatkuasakan bidang kuasanya terhadap sebarang jenayah yang dilakukan di wilayah negara ahli atau seorang warga negara ahlinya. Negara ahli perlu bekerjasama dengan mahkamah, termasuk juga menyerahkan orang yang disyaki sewaktu diminta berbuat demikian oleh pihak mahkamah.

Buka siasatan jenayah perang

Dengan penyertaan Palestin ke dalam mahkamah ini, ia dapat membuka siasatan mengenai kekejaman serta jenayah perang yang telah dilakukan oleh Israel terhadap mereka. Pelbagai jenis kekejaman dan jenayah perang sudah dilakukan Israel terhadap penduduk Palestin. Terbaharu ialah pada bulan Julai tahun lalu ketika umat Islam seluruh dunia sedang sibuk menunaikan ibadah puasa di bulan Ramadan, Israel melancarkan serangan besar-besaran ke atas penduduk Semenanjung Gaza.

Serangan itu dilakukan oleh rejim Zionis semata-mata untuk membalas dendam ke atas kematian beberapa remaja Israel yang dijumpai terbunuh. Serangan itu menyebabkan kematian ramai penduduk Semenanjung Gaza yang tidak berdosa, terutama penduduk awam yang kebanyakannya wanita, kanak-kanak dan orang tua.

Serangan itu banyak memusnahkan infrastruktur dan kemudahan asas penduduk Semenanjung Gaza seperti hospital, sekolah, masjid, jalan raya dan lain-lain lagi. Dengan penyertaan Pa-

lestin ke dalam ICC, ia dapat membuka peluang kepada mereka yang dianiaya Israel untuk menuntut bela serta membawa pihak yang bertanggungjawab ke muka pengadilan antarabangsa.

Ini penting kerana mahkamah yang sedia wujud di kawasan yang diduduki serta dijajah Israel dilihat tidak berjaya untuk memberi keadilan yang sepatutnya diterima oleh penduduk Palestin yang sudah lama menjadi mangsa keganasan Israel.

Keadilan untuk Palestin

Selain itu, Statut Rome ICC itu juga memperuntukkan skop maksud 'jenayah perang' yang lebih luas bagi membolehkan Palestin mengemukakan lebih banyak pertuduhan ke atas Israel.

Artikel 7 statut terbabit menyenaraikan sebarang usaha yang dilakukan oleh pihak penjajah untuk 'menghalau atau mengusir' penduduk asal di sesuatu kawasan yang dijajahnya melalui apa-apa cara pun tanpa kebenaran undang-undang antarabangsa adalah satu bentuk kesalahan jenayah perang yang boleh didakwa.

Tindakan ini banyak dilakukan oleh Israel yang telah mengambil tanah secara haram dan menghalau penduduk Palestin dari tanah mereka sendiri. Artikel 8 statut terbabit juga memperuntukkan jenayah perang meliputi aspek 'penempatan penduduk' yang dilakukan oleh pihak penja-

jah di kawasan yang dijajah mereka.

Ini juga banyak dilakukan oleh Israel yang banyak membuka penempatan haram mereka di kawasan penduduk Palestin terutamanya di Tebing Barat dan Timur Baitulmaqdis.

Walaupun ada tentangan keras Israel dan sekutu kuat mereka Amerika Syarikat terhadap penyertaan Palestin ke dalam ICC serta kemusykilan sesetengah pihak terhadap aspek penguatkuasaan undang-undang mahkamah terbabit terhadap pihak yang didakwa, penyertaan mereka ke dalam ICC sekurang-kurangnya dapat memberi keyakinan terhadap penduduk Palestin terus berjuang bagi mendapatkan kemerdekaan daripada rejim Israel serta melindungi rakyat serta kepentingan mereka di tanah air sendiri.

“
Penyertaan mereka dalam ICC memberi keyakinan terhadap penduduk Palestin terus berjuang di tanah air sendiri”



Penulis

ialah Pensyarah Kanan Fakulti Syariah Dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia